

## LAWATAN PENANDA ARASAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG KE PKK

Pada 8 Ogos 2022, PKK telah menerima kunjungan Pegawai Psikologi Universiti Malaysia Pahang yang telah mengadakan lawatan penanda arasan.

Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat bagaimana prosedur PKK menerima klien dan sistem yang digunakan serta laporan disimpan dan dijana.

Lawatan penanda arasan bahagian kedua dari UMP akan diadakan dalam masa terdekat secara dalam talian bersama pegawai IT dari UMP untuk melihat secara keseluruhan sistem counselling2u yang PKK gunakan.



## MESYUARAT PEGAWAI PSIKOLOGI SELURUH SISTEM UiTM (MEPPSi) BIL. 2/2022

Pada 20 - 21 September 2022, PKK telah menganjurkan Mesyuarat Pegawai Psikologi Seluruh Sistem UiTM Bil. 2/2022 bertempat di Hotel De Palma Shah Alam. Mesyuarat kali ini telah dihadiri seramai 62 orang Pegawai Psikologi dari seluruh sistem UiTM.

Tujuan Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan tentang hal-hal semasa berkaitan perkhidmatan.

Selain itu, Majlis Apresiasi Pegawai Psikologi bertemakan tradisional juga turut diadakan sebagai tanda penghargaan kepada pegawai semasa mendepani pandemik COVID-19 bagi memastikan kesejahteraan mental dan emosi pelajar dan staf UiTM sentiasa dalam keadaan baik.

Pada hari terakhir Bengkel Kompetensi dengan pelbagai topik diadakan bagi membekalkan ilmu dan persediaan kepada pegawai dalam mendepani cabaran yang mendarang.





### PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Aras 5, Kompleks Budisiswa  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam

03 - 5544 2630/2379/3211/3496  
pkk@uitm.edu.my

